

ZORALONE FORTE SYRUP SUGAR FREE

Prednisolone Sodium Phosphate (5mg/ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zoralone Forte
2. Bagaimana Zoralone Forte berfungsi
3. Sebelum mengambil Zoralone Forte
4. Cara menggunakan Zoralone Forte
5. Semasa menggunakan Zoralone Forte
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Zoralone Forte
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan umum tentang Zoralone Forte. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang diketahui tentang Zoralone Forte.

Ia tidak menggantikan peranan atau nasihat doktor atau ahli farmasi.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Doktor anda telah mempertimbangkan risiko mengambil Zoralone Forte terhadap manfaat yang dijangka untuk anda.

Simpan risalah ini bersama ubat. Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Zoralone Forte

Zoralone Forte digunakan dalam rawatan pelbagai keadaan:

- Asma
- Gangguan alahan
- Demam disebabkan oleh keradangan yang mungkin berlaku selepas jangkitan bakteria
- Arthritis reumatoid (radang dan sakit sendi)

- Penyakit radang kulit

Zoralone Forte juga digunakan untuk mengurangkan simptom keradangan (seperti bengkak, kemerahan, sakit, atau gatal) pada kulit.

Bagaimana Zoralone Forte berfungsi

Ia berfungsi dengan memasuki sel-sel radang dan menghalang tindak balas keradangan.

Tanya doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan mengapa ubat ini diberikan kepada anda. Doktor anda mungkin memberikan Zoralone Forte untuk tujuan lain. Tiada bukti bahawa ia menyebabkan ketagihan.

Sebelum mengambil Zoralone Forte

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Zoralone Forte jika anda:

- Alahan kepada atau prednisone atau glukokortikoid atau mana-mana bahan seperti yang disenaraikan di hujung risalah ini.
- Sedang mempunyai jangkitan yang serius atau tidak terkawal, termasuk jangkitan kulat.
- Menghadapi ulser perut, osteoporosis (tulang rapuh), psikosis (masalah mental), psychoneurosis teruk (masalah mental), jangkitan bakteria akut, sesetengah jangkitan virus contohnya varicella, herpes genitalis dan glaukoma (peningkatan tekanan di dalam mata)

Jangan mengambil Zoralone Forte untuk merawat sebarang aduan lain melainkan doktor anda telah

mengarahkan anda untuk berbuat demikian.

-Sebelum mengambil Zoralone Forte

Beritahu ahli farmasi atau doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap ubat-ubatan lain, makanan, pewarna atau pengawet.

Sila maklumkan pada doktor jika anda mempunyai masalah berikut:

- batuk kering (jangkitan bakteria biasanya berlaku pada paru-paru)
- tekanan darah tinggi
- gula dalam urin
- tahap kalium dalam darah yang rendah
- ketidakselesaan perut
- perubahan mental

Doktor anda boleh hentikan ubat secara beransur-ansur, meningkatkan dos atau memulakan semula terapi glukokortikoid mengikut keadaan anda.

Doktor anda boleh menjalankan beberapa ujian sebelum menetapkan prednisolone kerana Glukokortikoid boleh menyembunyikan beberapa tanda-tanda jangkitan dan jangkitan baru boleh muncul. Semasa terapi glukokortikoid, anda tidak boleh disuntik dengan vaksin hidup.

Jika anda hamil, cuba untuk hamil atau menyusukan bayi, sila maklumkan pada doktor anda sebelum anda memulakan rawatan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor or ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk semua yang dibeli tanpa preskripsi

dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan terutamanya:

- **barbiturates-sejenis ubat sedatif**
- **phenylbutazone-analgesik (mengurangkan kesakitan)**
- **phenytoin-merawat sawan**
- **rifampicin-antibiotik untuk jangkitan bakteria**
- **antikoagulan-menghalang pembekuan darah**
- **diuretik-menggalakkan pengeluaran air dari badan.**

-Penggunaan pada kanak-kanak

Zoralone Forte hanya boleh diberikan di bawah pengawasan doktor anda.

Jika boleh, kanak-kanak tidak harus terdedah kepada penyakit kanak-kanak biasa seperti cacar air atau campak ketika mereka mengambil ubat ini. Mereka mungkin mengalami serangan penyakit yang lebih serius jika pendedahan itu berlaku.

Kanak-kanak tidak patut disuntik dengan vaksin 'hidup' terhadap penyakit kanak-kanak biasa ketika mengambil ubat ini kerana ini boleh menyebabkan serangan teruk penyakit-penyakit tersebut.

Kesan sampingan yang serius boleh berlaku pada kanak-kanak dan remaja yang mengambil kortikosteroid. Beberapa kesan sampingan termasuk pertumbuhan terbantut, osteoporosis (tulang menjadi rapuh) dan perubahan kepada kelenjar adrenal (ketidakseimbangan hormon).

Cara menggunakan Zoralone Forte

-Berapa banyak harus digunakan

Dos bergantung kepada keadaan yang dirawat dan tindakbalas anda terhadap rawatan. Dos permulaan

anda akan dikekalkan atau diselaraskan sehingga tindakbalas yang memuaskan dicapai.

Untuk kanak-kanak yang mempunyai rembesan hormon yang normal, disyorkan 0.5 hingga 2 mg per kg prednisolone seharian dibahagikan kepada 3 atau 4 dos selepas makan.

Doktor anda akan memberitahu anda berapa banyak zoralone forte harus diambil.

-Bila perlu digunakan

Zoralone Forte sebaiknya diambil sejurus selepas makan.

Berapa kerap Zoralone Forte boleh diambil mungkin berbeza bergantung kepada keadaan yang sedang dirawat. Jika anda mengambil **Zoralone Forte**:

Sekali sehari: Lebih baik diambil pada masa yang sama setiap hari seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beberapa kali sehari: Lebih baik jika dos dijarakkan sama rata sepanjang hari.

Jangan tertinggal mana-mana dos dan jangan berhenti mengambil ubat walaupun anda berasa lebih sihat.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengambil Zoralone Forte seperti yang diberitahu oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Ini bergantung kepada keadaan anda dan tindak balas anda terhadap rawatan. Sesetengah orang hanya memerlukan ubat ini untuk tempoh yang singkat sementara orang lain mungkin memerlukan rawatan jangka panjang.

-Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya.

Jika ia menghampiri waktu untuk dos anda yang berikutnya, langkau dos yang terlepas dan ambil ubat seterusnya mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Jangan menggandakan pengambilan dos untuk menggantikan dos yang ketinggalan.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Telefon doktor dengan segera untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke Bahagian Kecemasan dan Kemalangan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak Zoralone Forte. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Bawa apa-apa ubat yang tertinggal dengan anda

Semasa menggunakan Zoralone Forte.

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Zoralone Forte tepat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu doktor anda jika keadaan anda kembali atau menjadi lebih teruk selepas dos Zoralone Forte telah dikurangkan atau rawatan dihentikan.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil Zoralone Forte.

Beritahu mana-mana doktor lain, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil Zoralone Forte, terutamanya jika anda akan mula mengambil mana-mana ubat yang baru.

Beritahu doktor, pakar bedah atau doktor gigi bahawa anda sedang mengambil Zoralone Forte jika anda akan menjalani pembedahan.

Trauma daripada pembedahan mungkin bermakna dos Zoralone Forte anda mungkin perlu dinaikkan untuk menampung tekanan yang dihadapi pada masa itu.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mempunyai kencing manis, dan anda mendapati perubahan pada keputusan ujian gula darah atau air kencing anda.

Ubat ini boleh menjejaskan paras gula darah anda kerana ia boleh menjejaskan keupayaan badan untuk mengendalikan glukosa. Bagi orang yang mempunyai kencing manis, ini bermakna bahawa penyakit kencing manis anda mungkin menjadi lebih teruk. Bagi orang lain, kencing manis mungkin dialami buat pertama kali ketika mengambil kortikosteroid seperti Zoralone Forte.

Tanya doktor anda bila dan bagaimana anda perlu berhenti mengambil Zoralone Forte.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda.

Jangan berhenti mengambil Zoralone Forte tiba-tiba melainkan dinasihatkan oleh doktor anda.

Jangan mangambil sebarang imunisasi (terutamanya dengan vaksin "hidup" seperti campak, polio oral atau demam kuning) tanpa kebenaran doktor semasa anda dirawat dengan Zoralone Forte.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan berhubung rapat dengan sesiapa sahaja yang mempunyai penyakit berjangkit seperti campak atau cacar air.

Pendedahan kepada penyakit seperti ini semasa anda mengambil Zoralone Forte, terutamanya jika dos yang tinggi diambil, boleh membawa risiko tinggi untuk anda mendapat penyakit ini sekiranya anda belum pernah mengalaminya.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda fikir anda telah terdedah kepada cacar air atau campak.

Seperti dengan sebarang ubat baru, anda perlu berhati-hati apabila memandu, mengendalikan jentera atau minum alkohol sehingga anda tahu bagaimana Zoralone Forte memberi kesan kepada anda.

Tanda-tanda dan simptom jangkitan seperti demam atau keradangan mungkin disembunyikan oleh tindakan anti-radang Zoralone Forte. Anda harus berjumpa dengan doktor anda untuk mendapatkan nasihat perubatan bagi apa-apa jangkitan biarpun yang paling ringan.

Kesan-kesan sampingan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda secepat mungkin jika anda tidak berasa sihat semasa anda mengambil Zoralone Forte.

Zoralone Forte membantu kebanyakan orang yang mengambilnya tetapi ia mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang. Semua ubat mempunyai kesan sampingan. Kadang-kadang ia serius, tetapi kebanyakannya tidak serius.

Beberapa kesan sampingan hanya dapat dikesan oleh doktor anda. Jadi, apabila Zoralone Forte diambil untuk jangka masa yang lama, ia adalah

penting untuk berjumpa dengan doktor anda secara berkala untuk pemeriksaan.

Beberapa kesan sampingan adalah seperti berikut:

- Gangguan keseimbangan elektrolit – Pengkalan air dan natrium dengan bengkak dan tekanan darah tinggi meningkatkan penyingkiran kalium dengan kemungkinan tahap kalium dalam darah yang rendah.
- Kesan metabolik – Pergerakan kalsium dan fosforus dengan osteoporosis (tulang rapuh) & tulang retakan spontan, kekurangan nitrogen akibat pemecahan protein, paras gula darah tinggi, meningkatkan keperluan untuk insulin atau agen hipoglisemik oral dalam penyakit kencing manis.
- Gastrosus - ulser perut dengan kemungkinan penembusan dan pendarahan, keradangan pankreas.
- Saraf - tekanan darah tinggi dalam tengkorak dan sakit kepala.
- Pemulihan tisu – Lambat penyembuhan luka dan akan meningkatkan liabiliti kepada jangkitan.
- Endokrin - pertumbuhan kanak-kanak yang terbantut.
- Otot skeletal - Kelemahan otot, nekrosis aseptik tulang (kematian tisu tulang akibat kekurangan bekalan darah)
- Oftalmik seperti katarak subkapsular posterior (kekaburan kanta mata), peningkatan tekanan dalam mata.

Sesetengah orang mungkin mendapat kesan sampingan yang lain semasa menggunakan Zoralone Forte.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan yang mungkin berlaku. Anda mungkin tidak langsung akan mengalaminya.

Jika anda mengalami sebarang kesan sampingan, walaupun ia tidak disebut dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers → Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Zoralone Forte

-Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30 °C.
Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya.
Jauhi daripada kanak-kanak.

-Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput.
Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna zoralone forte

Cecair jernih perang muda tanpa gula dengan perisa anggur hitam dan ais krim soda

Zoralone Forte dibungkus dalam 60ml botol amber PET.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Setiap ml mengandungi 5mg prednisolone

Bahan-bahan tidak aktif:
Methylparaben, Propylparaben, Disodium Hydrogen Phosphate Dihydrate, Sodium Dihydrogen Phosphate Dihydrate, Glycerin, Disodium Edetate, Blackcurrant Flavour Ice Cream Soda Flavour dan Purified Water.

Nombor MAL: MAL11075002A

Pengilang:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk:

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/02/2016

Nombor siri:

BPFK(R4/1)301015/00388